



INFO PSIKOLOGI & KAUNSELING

UniMAP

Pusat Kaunseling, iKOM

SALAM PERKENALAN

APA ITU KAUNSELING???

Kaunseling merupakan suatu proses perhubungan menolong yang sistematik berasaskan prinsip psikologi yang dilakukan oleh kaunselor profesional bagi menghasilkan perubahan, perkembangan dan penyesuaian peribadi klien, yang baik dan menyeluruh secara sukarela sepanjang hayat berlandaskan etika kaunseling .



Kaunseling membantu ke arah kesejahteraan individu, melalui pendidikan, pencegahan pemulihan dan pengembangan



BAGAIMANA KAUNSELING BOLEH MEMBANTU?

Kaunseling membimbing individu mencari sumber dirinya yang menyumbang kepada isu yang dihadapinya. Penerimaan dan perakuan sumber diri adalah penting dalam menghasilkan perubahan diri

Melalui kaunseling keserabutan yang dihadapi akan dapat dirungkai sedikit demi sedikit. Dalam hal ini kaunselor memainkan peranan untuk membimbing individu melalui penerokaan masalah dan tindakan ke arah penyelesaian


PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN

- Kaunseling Individu
- Kaunseling Kelompok
- Ujian, Penilaian dan Pengukuran Psikologi
 - Ujian psikologi stress
 - Ujian personaliti
 - Ujian minat
 - dan lain-lain
- Khidmat komuniti
 - Aktiviti bersama Masyarakat, Agensi kerajaan, Swasta & NGO
- Menganjurkan Kursus, Seminar, Bengkel untuk Pembangunan Diri dan Sahsiah Pelajar serta Staf UniMAP
- Khidmat Pembimbing Rakan Siswa (PRS)

Q & A MENGENAI PERKHIDMATAN KAUNSELING

Q : Adakah kaunseling untuk orang bermasalah mental / orang yang melanggar disiplin?

A : Tidak. Kaunseling adalah untuk orang **normal / rasional** yang memerlukan bantuan professional untuk mengelakkan isu yang dialami menjadi semakin rumit atau sukar serta memberikan kelegaan kepada diri.



Q : Bagaimanakah cara untuk dapatkan perkhidmatan kaunseling selepas waktu pejabat?

A : Jika terdapat kes-kes kecemasan, warga UniMAP boleh menghubungi Jabatan Keselamatan UniMAP di talian 04-9798181 / 8571 (24 jam) atau para pelajar boleh menghubungi Pengetua / Penolong Pengetua Kolej kediamaan masing-masing. Mereka akan menghubungi pihak kami untuk urusan selanjutnya.

Q : Betulkah kaunseling itu RAHSIA ?

A : Benar, Sebarang isu / maklumat yang dibincangkan dalam sesi kaunseling adalah rahsia dan tidak akan didedahkan secara terperinci kepada mana-mana pihak tanpa persetujuan daripada anda, kecuali terdapat keadaan yang didapati boleh mendatangkan bahaya dan kemudaran kepada diri anda atau kepada orang lain; dan Keadaan yang terbukti telah berlaku pelanggaran undang-undang, peraturan negara dan organisasi/institusi yang sedia ada seperti jenayah dan sebagainya.

Q : Apakah jenis-jenis permasalahan yang boleh dibincangkan?

A : Jenis-jenis permasalahan yang boleh dibincangkan meliputi kategori masalah akademik, peribadi, kerjaya, keluarga, kesihatan, pembangunan diri **serta apa ju** masalah yang perlu diberikan perhatian.

METODOLOGI PERTEMUAN

- SUKARELA
- RUJUKAN
- WALK IN



PUAN WAN SANIAH WAN YAHYA
Pegawai Psikologi
wansaniah@unimap.edu.my
049798303

PUAN NUR AIMI MUSLIM
Pegawai Psikologi
nuraimi@unimap.edu.my
049798321

Pusat Kaunseling,
Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (iKOM),
Universiti Malaysia Perlis,
Blok A , Kompleks Pusat Pengajian Jalan Kangar-Arau,
02600 Arau, Perlis

Email : pusatkaunseling@unimap.edu.my